

Ruj. Kami : ST(IP/JKKT/P/OKT)10/1(013)
Tarikh : 13 Mac 2025

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,
62100 Putrajaya, Malaysia
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

SEMUA PENGURUS TENAGA BERDAFTAR



YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN BERKAITAN NILAI CDP BAGI PEMBAHARUAN PERAKUAN AMALAN PENGURUS TENAGA BERDAFTAR DI BAWAH AKTA KECEKAPAN DAN KONSERVASI TENAGA 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Adalah dimaklumkan bahawa nilai CDP bagi program pembangunan berterusan untuk pembaharuan perakuan amalan pengurus tenaga berdaftar bagi tahun 2025 adalah sebanyak kosong (0) CDP untuk semua pengurus tenaga berdaftar seperti berikut:

- a) Terpakai untuk pengurus tenaga berdaftar yang didaftarkan melalui seksyen 71 Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024 (permohonan transisi REEM ke REM);
- b) Mengemukakan permohonan pembaharuan perakuan amalan sebelum 1 Januari 2026; dan
- c) Mempunyai sijil perakuan amalan pengurus tenaga berdaftar yang tamat dalam tempoh 2025 sahaja.

4. Permohonan pembaharuan perakuan amalan pengurus tenaga akan dibuka **bermula pada 17 Mac 2025** di laman sesawang irist.st.gov.my. Oleh itu, semua REM adalah digalakkan untuk membuat akaun peribadi di Sistem iRIST sebagai persediaan sebelum permohonan pembaharuan dibuka.

5. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.st.gov.my/eeca atau emel rem@st.gov.my.

Sekian, terima kasih.



(IR. TS. ZULKIFLEE UMAR)

Pengarah

Jabatan Kecekapan dan Konservasi Tenaga
Suruhanjaya Tenaga